

17/05/1999

Tanggungjawab guru dihargai

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyanjung tinggi tanggungjawab guru yang disifatkan penting bukan saja untuk menyampaikan ilmu, malah memelihara nilai serta budaya bangsa yang mulia di kalangan pelajar bagi menjamin kejayaan negara.

Perdana Menteri berkata, guru memainkan tugas amat penting dalam masyarakat kerana mereka sebenarnya menanam nilai budaya sebuah bangsa yang berjaya.

"Tugas guru tidak hanya terhad kepada penyampaian ilmu, tetapi meliputi tugas membentuk nilai budaya mulia yang akan menjadi pegangan pelajar.

"Sebelum kita sampaikan ilmu, hendaklah kita tentukan ilmu itu akan digunakan secara baik oleh murid supaya apabila mereka membesar dan menjadi anggota masyarakat, mereka akan menggunakan ilmu untuk kebaikan.

"Saya berharap guru di Malaysia akan memikul beban ini dengan penuh tanggungjawab kerana di tangan gurulah terletak nasib bangsa dan negara di masa depan," katanya ketika melancarkan perayaan Hari Guru peringkat kebangsaan di Pusat Pameran Antarabangsa The Mines di sini, hari ini.

Turut hadir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Dr Abdul Shukor Abdullah.

Pada majlis yang dihadiri lebih 5,000 guru itu, Perdana Menteri turut menyampaikan Anugerah Tokoh Guru kepada lima pendidik. Mereka ialah Mohd Mokhtar Talib, Rahmah Hussain, Hambali Abdul Razak, Kasim Muhamad dan Molly Chong Nee.

Menurut Perdana Menteri, tugas guru juga menjadi amat penting sekarang kerana ada usaha beberapa pihak untuk mencemarkan budaya bangsa dan menggagalkan usaha memajukan negara.

Dr Mahathir menjelaskan isu penjajahan semula yang ditimbulkan selama ini sebenarnya bukan untuk mengalih perhatian rakyat terhadap masalah yang berlaku dalam negara seperti dakwaan sesetengah pihak.

"Apa yang dikatakan adalah kebenaran kerana ada pihak cuba menjajah serta mencemarkan budaya yang dipegang masyarakat selama ini dan kesannya sangat besar.

"Mereka menanam nilai yang tidak baik kerana ada kepentingan serta agenda tertentu. Tapi, nilai budaya mulia yang dipegang rakyat akan menjadi benteng serangan budaya barat yang merosakkan," katanya.

Menurutnya, budaya doing your own thing ciptaan Barat yang memberi hak kebebasan individu, sebenarnya membawa padah keruntuhan moral di kalangan masyarakat Barat dan tidak perlu ditiru rakyat negara ini.

"Kebebasan individu ini menyebabkan anak-anak muda membawa senjata api ke sekolah dan melakukan pembunuhan tidak berasas terhadap rakan sekolah mereka, semuanya atas nama hak kebebasan individu.

"Budaya ini tidak mungkin menjadi tamadun mulia. Apakah perlu kita meniru?" katanya.

Perdana Menteri berkata, ada golongan yang tidak berpendirian di negara ini sudah mula meniru apa saja yang dibuat Barat termasuk budaya mencaci, maki hamun dan mencarut.

Beliau berharap masyarakat negara ini bijak menggunakan ilmu yang mereka perolehi untuk kebaikan bangsa dan negara melalui amalan yang baik.

"Ada perkara yang baik tetapi cara amalannya membawa keburukan, dan ada benda yang buruk kalau digunakan dengan tertib, boleh membawa kebaikan," katanya.

Perdana Menteri memberi contoh bagaimana bahan letupan yang boleh membunuh juga boleh menggerakkan pesawat dengan pantas melalui penggunaan enjin roket.

"Letupan yang berlaku dalam silinder enjin kereta juga adalah letupan yang membawa kebaikan," katanya.

Dr Mahathir berharap guru akan mendapat balasan kepuasan membentuk budaya bangsa yang membolehkan negara mencapai kejayaan.

(END)